

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA  
TINGGI ]**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **30.11.2017**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan  
pandangan Kerajaan dalam penggunaan Bitcoin sebagai mata wang  
digital sebagai transaksi kewangan yang kini sudah menjadi trend  
pilihan dalam urus niaga pelaburan di dalam internet.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

31

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan mata wang digital lazimnya dijalankan di atas talian (*online*) dan secara rakan ke rakan (*peer-to-peer*). Kaedah ini menyukarkan pengumpulan maklumat terperinci berkaitan tahap penggunaan mata wang digital di Malaysia. Berdasarkan pemantauan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) setakat ini, penggunaan mata wang digital di Malaysia adalah rendah. Jumlah dagangan mata wang digital melibatkan *Bitcoin* di Malaysia hanya sekitar 0.002 peratus berbanding jumlah dagangan dalam pasaran pertukaran asing tempatan pada tahun 2016.

Untuk memastikan kestabilan dan integriti sistem kewangan negara, pihak BNM akan mengeluarkan peraturan berkaitan penggunaan mata wang digital menjelang hujung tahun ini. Peraturan ini akan menekankan aspek pencegahan penggunaan mata wang digital untuk tujuan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan (*Anti-Money Laundering / Counter Financing of Terrorism, AML/CFT*). Di bawah undang-undang dan selaras dengan seksyen 24 Akta Bank Negara Malaysia 1958, hanya wang kertas dan syiling yang dikeluarkan oleh BNM sah diperlakukan di Malaysia. Ini bermakna, hanya transaksi yang diselesaikan di dalam mata wang ringgit akan dijamin nilainya oleh Kerajaan.

Oleh itu, orang ramai diingatkan agar berhati-hati terhadap risiko penggunaan mana-mana mata wang digital memandangkan nilainya yang tidak menentu dan terdedah kepada aktiviti seperti spekulasi,

risiko penipuan melibatkan skim-skim pelaburan haram dan skim *e-wallet* untuk mata wang digital yang tidak sah.